

21/06/2003

Program Khidmat Negara bentuk bangsa Malaysia

Abu Hasan Adam

MELIHAT kepada matlamat dan tujuan Program Khidmat Negara (PKN) seolah-olah ada persamaan dengan cabaran yang diutarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kertas kerjanya bertajuk The Way Forward atau yang lebih dikenali dengan Wawasan 2020.

Sebagaimana yang sudah dijelaskan oleh Datuk Seri Najib Razak, baru-baru

ini tujuan program itu adalah:

- * Menanam semangat patriotisme di kalangan generasi muda.
- * Memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional.
- * Membentuk perwatakan positif menerusi nilai murni.

Sementara cabaran yang diutarakan dalam The Way Forward pula adalah:

* Mewujudkan bangsa Malaysia bersatu yang dapat hidup dengan aman dan bahagia dan sentiasa taat kepada Malaysia.

* Mewujudkan masyarakat yang bebas dan penuh keyakinan diri dan sentiasa pula sanggup menghadapi cabaran demi menuju kecemerlangan yang akan dihormati oleh negara luar.

* Mewujudkan sebuah masyarakat demokrasi supaya menjadi model kepada negara luar.

* Mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral tinggi berpegang kepada nilai murni berlandaskan agama.

* Mewujudkan masyarakat yang bertolak ansur, dapat menerima hakikat negara ini didiami pelbagai kaum yang menganuti pelbagai agama.

* Melahirkan sebuah masyarakat saintifik, progresif, inovatif dan berpandangan jauh dan kemudian menjadi penyambung kepada peradaban teknologi dan bukan sebagai pengguna teknologi.

* Mewujudkan masyarakat penyayang yang juga pasak kepada sistem berkeluarga.

* Mewujudkan masyarakat adil yang sedar akan keperluan pembahagian hasil

negara secara adil yang boleh dipraktikkan melalui perkongsian dalam pembangunan ekonomi di samping menghapuskan fahaman dan prasangka yang mengaitkan sesuatu sektor ekonomi dengan sesuatu kaum.

* Mewujudkan masyarakat makmur yang dapat dicapai melalui kegiatan ekonomi yang kompetitif, dinamik, robust dan resilient.

Walaupun The Way Forward atau Wawasan 2020 diucapkan pada 1990 pada satu

majlis jamuan makan malam anjuran Kelab Harvard, ia masih tetap segar dalam ingatan kita.

Hasrat dan impiannya masih segar dan berterusan. Harapan Dr Mahathir ialah pada 2020 nanti (hanya tinggal 17 tahun lagi), Malaysia akan menjadi negara maju.

Tetapi kemajuan yang dikejar bukan sekadar kemajuan dari segi ekonomi semata-mata tetapi meliputi pelbagai sudut yang juga termasuk dari sudut politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan. Katanya,

"Economic

development must not become the be-all and the end-all of our national endeavours" (The Way Forward)

Wawasan 2020 menetapkan bahawa kemajuan yang hendak kita capai adalah mengikuti cara kita, acuan kita.

Tujuan ini tentunya selaras dengan hasrat PKN yang mana pelaksanaannya tidak akan meniru model mana-mana negara asing yang pernah melaksanakan program sebegini.

Berasaskan kepada hasrat dan tujuannya, jelas menunjukkan ia bukanlah latihan tentera semata-mata dan tidak juga mengetepikan latihan ala tentera itu.

Secara umumnya, PKN bergerak di atas landasan untuk mencipta sebuah negara yang mana akan wujud bangsa Malaysia dalam erti kata sebenar-benarnya.

Seolah-olah pada ketika itu tiada lagi Malaysia yang dihuni berbilang kaum, tetapi sebaliknya akan wujud hanya satu bangsa - bangsa Malaysia.

Kata PM, " ...we must aspire by the year 2020 to reach a stage where

no one can say that a particular ethnic group is inherently economically backward and another is economically inherently advanced..."

Hasrat yang ingin dicapai ini tentulah agak asing atau absurd pada pemikiran generasi Malaysia yang hidup 40 tahun lalu, tetapi bagi masyarakat Malaysia kini akan memandang penuh yakin akan hasrat dan impian

yang hendak dicapai itu.

Kalau kita yakin bahawa satu bahasa boleh menyatukan kaum di Malaysia dan sudah pun terbukti mampu berbuat demikian, maka kerajaan haruslah memperteguhkan elemen ini walaupun menghadapi pelbagai rintangan.

Yakinkan rakyat yang cuba menentang dengan menyatakan bahawa perubahan yang akan diperkenalkan adalah untuk kebaikan dan bukan kehancuran.

Berasaskan pembentangan yang dibuat oleh Najib, kurikulum latihan merangkumi latihan asas tentera, latihan ketatanegaraan dan aktiviti khidmat masyarakat

Latihan tatanegara bertujuan meningkatkan semangat patriotik dan perwatakan positif yang juga akan meliputi penjelasan mengenai kedaulatan

dan maruah negara Malaysia dan isu antarabangsa.

Ditegaskan juga akan fungsi rakyat negara ini sebagai warga dunia, penjelasan mengenai isu semasa serta ancaman keselamatan dan ketahanan nasional.

Lantaran itu, seruan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar ibu bapa menggalakkan anak mereka menyertai program ini amat tepat sekali.

PKN dilihat sebagai suatu program yang boleh memberikan manfaat dan menyeronokkan peserta dan boleh menyumbang ke arah pembentukan sahsiah seseorang.

Bangsa Malaysia, khususnya orang Melayu sudah jauh mencapai kemajuan berbanding keadaan sebelum merdeka dulu.

Sebelum mencapai kemerdekaan, orang Melayu sentiasa dipantakkan dengan satu `falsafah' yang mengatakan konon orang Melayu tidak layak mendapat kemerdekaan dengan alasan mereka tidak boleh membuat jarum walau sebatang sekalipun.

Seiring dengan itu, orang Melayu `didendangkan' dengan `irama sumbang' yang mengatakan orang Melayu sememangnya lemah dalam lapangan sains dan teknologi.

Prasangka ini mujurlah dapat dipecahkan dengan pencapaian cemerlang anak

Melayu dalam lapangan yang dikatakan lemah itu. Justeru lahirlah masyarakat Malaysia yang dikatakan inovatif dan saintifik itu.

Namun kita bukan mahu setakat berada pada 'takuk' itu. PKN mengharapkan rakyat Malaysia sebagai warga negara dunia harus bertanding untuk mencapai satu status yang membolehkan kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan masyarakat dunia yang lain dalam semua bidang dan lapangan.

Tidak juga kita mahukan pencapaian kita hanya sekadar pencapaian dari segi material. Masyarakat Malaysia yang diimpikan adalah masyarakat yang bersendikan kepada nilai baik.

Konsep penerapan nilai murni ke dalam jiwa masyarakat Malaysia adalah satu kesinambungan kepada hala cara yang sudah pun ditentukan oleh Dr Mahathir pada awal pentadbiran beliau pada awal 1980-an.

Dengan jelas menampakkan akan harapan Perdana Menteri agar wujud satu keadaan masyarakat yang unik berbanding masyarakat lain di dunia yang menempuh zaman yang dikatakan moden itu.

Mewujudkan masyarakat yang hidup harmoni memerlukan perasaan toleransi di kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Keadaan yang sebegini wujud beberapa lama. Yang pentingnya ia perlu dipupuk dan dibaja.

Tidak timbul sebarang pertelingkahan di antara penganut pelbagai agama di negara ini.

Sudah wujud satu keadaan toleransi di antara satu agama dengan agama yang lain.

PKN akan menerapkan nilai sedemikian dalam jiwa anak muda Malaysia yang bakal menerajui negara ini kelak.

Dengan bekalan yang secukupnya yang diberikan kepada mereka, diharapkan mereka mampu meneruskan tradisi mengangkat maruah dan martabat negara yang tercinta ini.

ABU HASAN ADAM,
Shah Alam.